

Kemuka ciptaan sendiri — PM

1994 - 8 JUN 1994

KUALA LUMPUR 7 Jun — Malaysia perlu menjadi salah sebuah negara penyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi dunia dengan mengemukakan ciptaan sendiri dan bukan meniru negara-negara lain, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Perdana Menteri” berkata, sambil bertungkus lumus menghasilkan ciptaan-ciptaan baru, saintis tempatan perlu memastikan ciptaan mereka boleh dijual di dalam dan luar negara.

Dalam masa yang sama, katanya, generasi muda hendaklah berusaha meningkatkan tahap pencapaian akademik, terutamanya matematik, sains dan komunikasi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri juga mahu saintis menumpukan kepada konsep keusahawanan teknologi serta memikirkan konsep-konsep keperluan pengguna teknologi serta strategi-strategi pemasaran yang berkesan.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Ekspo Ke-

mahiran Hidup dan Reka Cipta Pelajar Peringkat Kebangsaan 1994 di Maktab Perguruan Teknik di sini, hari ini.

Menurut beliau, kesungguhan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah pemain utama di bidang sains dan teknologi bertaraf dunia sentiasa mengiringi usaha-usaha saintis tempatan melalui peruntukan, galakan, pendidikan dan insentif.

Pemindahan

Katanya, usaha menyemai budaya mencipta akan diteruskan di dalam masyarakat selain menamakan semangat kebanggaan kemajuan teknologi sendiri melalui kejayaan ciptaan saintis Malaysia yang menembusi pasaran antarabangsa.

Tambah beliau, walaupun kerajaan menggalakan pemindahan teknologi, bukan bermakna saintis tempatan boleh berpeluk tubuh, mengabaikan tanggungjawab mereka mencipta inovasi baru.

“Jika Malaysia mahu ingin berjaya sebagai salah sebuah negara perin-

dustrian, para saintis dan ahli teknologi negara harus segera meningkatkan kepakaran mereka, agar mereka bukan sahaja berupaya menerima, mengubahsuai dan menyesuaikan teknologi dari luar, malah berupaya menghasilkan teknologi tempatan yang setanding.

“Inilah faktor kritikal yang membolehkan kita mencapai kelebihan persaingan di arena antarabangsa,” kata beliau.

Perdana Menteri bangga dengan kejayaan seorang saintis Malaysia memenangi hadiah pingat emas dalam Pertunjukan Antarabangsa Penemuan dan Teknik Baru Ke-22 di Geneva pada April lepas, yang beliau sifatkan sebagai pengiktirafan dunia terhadap ciptaan baru oleh saintis tempatan.

Walaupun Dr. Mahathir gembira dengan beberapa kemajuan yang dicapai menerusi institusi penyelidikan awam seperti Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Institut Sistem Mikroelektrik Malaysia (MIMOS), tetapi beliau

masih belum berpuas hati dengan kesan pembangunan teknologi secara perbandingan.

Beliau juga menekankan bahawa komponen penting yang menyokong peningkatan teknologi ialah sistem pendidikan sains serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kukuh, yang dimantapkan lagi oleh pendidikan asas tenaga buruh yang mahir dan terlatih.

Sambil merujuk kepada Korea Selatan, Jepun dan Amerika Syarikat, Dr. Mahathir berkata, tahap pendidikan buruh di Malaysia adalah rendah.

Berbanding

“Di negara-negara perindustrian baru seperti Korea, kejayaan perindustrian bergantung kepada pendidikan asas tenaga buruh yang mahir dan terlatih.

“Dalam tahun 1980, tenaga buruh Korea mempunyai lapan tahun persekolahan berbanding 6.5 tahun di Malaysia, berbeza pada tahun 1967 di mana tenaga buruh Malaysia mendapat purata lima tahun persekolahan berbanding dengan 3.9

tahun di Korea,” kata beliau.

Menurut beliau, kejayaan negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan di bidang perindustrian banyak bergantung kepada jumlah penuntut yang meneruskan pendidikan lebih daripada tahun umur yang diwajibkan.

Beliau memberi contoh yang menarik mengenai minat mendalam generasi muda di Jepun meneruskan pelajaran di mana 94 peratus penuntut me-

neruskan pelajaran mereka lebih daripada tahap umur yang ditetapkan berbanding dengan 80 peratus di Amerika Syarikat.

“Di Korea Selatan, 85 peratus dalam kumpulan umur 17 hingga 18 tahun meneruskan pelajaran mereka dan satu pertiga daripada jumlah tersebut meneruskan pelajaran di peringkat universiti,” katanya.

Kata beliau, oleh kerana kerajaan ingin menambahkan bilangan sa-

intis dan ahli teknologi dalam kegiatan R&D sehingga 1,000 orang bagi sejuta penduduk menjelang tahun 2000, pendidikan sains akan menjadi lebih relevan.

Tempatan

Sehingga kini, Perdana Menteri belum berpuas hati dengan bilangan tenaga R&D tempatan iaitu cuma 400 bagi setiap sejuta penduduk pada 1989, sedangkan negara-negara perindustrian lain. Misalnya Jepun mempu-

nyai 6,500 bagi sejuta penduduk, Jerman 3,000 bagi sejuta penduduk dan Korea Selatan 1,300 bagi sejuta penduduk.

Kata beliau, kekurangan itu perlu ditangani secara kolektif oleh pihak swasta, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kementerian Pendidikan dan agensi-agensinya kerajaan.

Di samping mahu Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Malaysia (MINDS) menyemai minat mencipta di kalangan generasi muda.